



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
10 FEBRUARI 2020 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|---------------------------------------|----|
| - Selangor catat kes denggi tertinggi | 31 |
|---------------------------------------|----|

Harian Metro

- | | |
|------------------------------|----|
| - Susahnya kita nak menapak! | 12 |
| - Fahami tugas kami | 13 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
10 FEBRUARI 2020 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Selangor catat kes denggi tertinggi
Muka Surat	31

NEGERI	KES DENGGI PADA 08 Feb 2020	*JUMLAH KES TERKUMPUL DARI 29 Dec 2019 HINGGA 08 Feb 2020
JOHOR	44	1,435
KEDAH	1	118
KELANTAN	14	842
MELAKA	3	291
NEGERI SEMBILAN	3	261
PAHANG	5	460
PERAK	10	558
PERLIS	0	12
PULAU PINANG	5	182
SABAH	16	1,012
SARAWAK	9	462
SELANGOR	251	11,338
TERENGGANU	2	48
WP KUALA LUMPUR	24	1,375
WP LABUAN	0	3
WP PUTRAJAYA	2	76
MALAYSIA	390	18,473

*Sumber Daripada Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan CPRC,
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Selangor kekal mencatatkan kes denggi tertinggi di Malaysia.
Selangor catat kes denggi tertinggi

SHAH ALAM - Selangor kekal sebagai negeri yang mencatatkan kes denggi tertinggi bagi tempoh 29 Disember 2019 sehingga 8 Februari lepas.

Berdasarkan statistik idengue.arsm.gov.my, Selangor mencatatkan sebanyak 11,338 jumlah kes denggi bagi tempoh berkenaan.

Antara kawasan merekodkan tempoh wabak melebihi 30 hari sejak awal tahun ini ialah daerah Petaling, Gombak, Hulu Langat, Klang dan Sepang.

Kawasan Seksyen 27 Flat A Blok 1 22 (Petaling) merekodkan sebanyak 42 kumulatif kes, manakala Taman Kajang Baru (Hulu Langat) merekodkan sebanyak 30 kumulatif kes sejak awal tahun ini.

Selain Selangor, Johor menjadi negeri kedua tertinggi kes denggi dengan catatan bilangan kes sebanyak 1,435 kes diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 1,375 kes.

Dalam pada itu, sebanyak 16 kematan direkodkan akibat denggi di seluruh negara bermula 1 Januari hingga 1 Februari 2020.

Sebelum ini, Exco Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariyah Mahmud pernah memaklumkan bahawa kerajaan negeri mengambil pelbagai langkah serius menangani peningkatan kes denggi di negeri ini.

Beliau berkata, pihak berkuasa tempatan dan penduduk setempat juga disarankan memainkan peranan memastikan kebersihan premis masing-masing.

Diterbitkan pada 10 Februari 2020



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
10 FEBRUARI 2020 (ISNIN)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Susahnya kita nak menapak!
Muka Surat	12



TINJAUAN di Lorong Haji Taib, Chow Kit mendapati peniaga kaki lima menghalang lalu lintas.

Oleh Yusmizal
Dolah Aling dan
Mahazura Abd Malik
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia sudah melangkah ke tahun 2020 namun apa yang menyediakan masih wujud penjaja kaki lima yang mencacatkan pemandangan serta menghalang laluan di sekitar ibu negara.

Bukan menafikan hak mereka mencari rezeki, namun yang menjadi pertikai kumpulan penjaja ini bukan sahaja tidak memiliki lesen perniagaan, malah turut membuat penyambungan haram bagi mendapatkan bekalan elektrik dari premis berdekatan semata-mata untuk keselamatan sekiranya berlaku kejadian tidak diingini termasuk kebakaran.

Selain itu, susun atur meja yang terlalu padat serta menghalang laluan utama keluar masuk ke premis berhampiran juga mendedahkan orang ramai kepada risiko ancaman keselamatan sekiranya berlaku kejadian tidak diingini termasuk kebakaran.

Tinjauan wartawan di sekitar kawasan tumpuan perniagaan di Chow Kit dan Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) di sini, mendapati sebahagian besar peniaga di situ warga asing yang menjual barang seperti pakaian, beg dan aksesori telefon bimbit di bahagian luar pusat perniagaan hingga menghalang lalu lintas.

DBKL perlu tegas

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu tegas dalam aspek penguatan kuasaan ke atas peniaga dan penjaja di ibu negara bagi mengelak timbul pelbagai masalah termasuk kepada orang ramai.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd Samad berkata, tindakan peniaga menjalankan perniagaan tanpa kebenaran salah daripada segi undang-undang dan ia perlu diteliti pihak berkua-

“Masalah memberikan lesen sama ada yang sementara atau sebaliknya mesti melalui DBKL. “Kalau DBKL tak boleh bagi yang kekal, bagi mereka lesen sementara, kita boleh tentukan syarat yang diperlukan, tambah baik sikit.

“Kalau tak mahu bagi sama sekali, pastiklah ada tindakan penguatan yang tegas. Tak bolehlah guna lesen lain atau tak ada lesen.”

Katanya merujuk kepada kewujudan penjaja kaki lima yang mencacatkan pemandangan dan menghalang lalu lintas di Kuala Lumpur.

KHALID

Peniaga, Mohamad Saidun Mohamad, 22, berkata, keadaan yang berlaku sebelum Ramadan lalu menyebabkan premis perniagaan mereka terlindung serta pelanggan berkurangan.

“Sebelum ini kami mampu menjual 80 ayam sehari, sekarang hanya 30 sahaja, sekali gus menyebabkan perniagaan restoran kami merudum 70

peratus.

“Tahun ini sahaja kami buat hampir 20 aduan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), namun saya dimaklumkan peniaga kaki lima itu mendapat lesen penjaja kecil.

“Saya pelik bagaimana semudah itu mereka mendapatkan lesen sedangkan kami pemilik premis perlu membayar cukai taksiran RM30,000 setahun,” katanya.

Saya pelik bagaimana semudah itu mereka mendapatkan lesen sedangkan kami pemilik premis perlu membayar cukai taksiran RM30,000 setahun”

Mohamad Saidun Mohamad

dak adil buat kami,” katanya.

Pemilik perniagaan pengurup wang asing Zahidah Syed Mohamad, 34, berkata, tindakan penjaja itu membuat penyambungan haram dihuatuiri mengancam keselamatan pelanggan dan pemilik premis.

“Sudah dua kali insiden litar pintas elektrik berlaku di premis kami gara-gara mereka menarik wayar dari sumber utama Tenaga Nasional Berhad (TNB).

“Ia bukan sahaja menjaskan perniagaan kami apabila semua transaksi tidak dapat dilakukan, malah apa yang membimbingkan keselamatan nyawa semua peniaga dan pelanggan,” katanya.

Peniaga, Fahim Anwar Ali, 36, meminta pihak berkuaasa tempatan (PBT) meletakkan kumpulan penjaja kaki lima itu di kawasan khusus yang lebih sempurna dan tidak mengganggu laluan premis perniagaan sedia ada.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
10 FEBRUARI 2020 (ISNIN)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Fahami tugas kami
Muka Surat	13

SUSULAN WANITA AMUK

'Fahami tugas kami'

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sudah membuat laporan polis susulan tindakan seorang wanita yang menghalang penguatan kuasa menjalankan tugas di zon tunda di Bandar Baru Sungai Buloh, Khamis lalu.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan mengesahkan lapo-

Hm 10/2/2020 ms 13
ran polis dibuat pada hari kejadian.

"Kami sedia maklum mengenai video tular mengenai seorang wanita yang bertindak agresif ketika atas penguatan kuasa MBSA susulan penundaan kenderaan di Sungai Buloh.

"Kami amat dukacita dengan kejadian itu. MBSA sudah membuat laporan serta menyerahkan kepada polis.

"Kami difahamkan polis sudah menyiasat kes itu mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksamaan iaitu menghalang penjawat awam menjalankan tugas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas video tersebut di media sosial apabila wanita terbabit bertindak membaling kon dan menggasari anggota penguatan kuasa yang sedang menjalankan tugas.

Dalam kejadian 12 tengah hari itu, difahamkan wanita terbabit me-



Dalam pada itu, beliau berkata, kejadian itu tidak mematahkan semangat anggota penguatan kuasa MBSA untuk menjalankan tugas penguatan kuasaan.

Mohd Rashidi berkata demikian pada sidang media di Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan-Orang Awam Berpeluang Menikmati Sajian Buah-Buahan Tempatan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, di sini, semalam.

Hadir sama, Penggerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Izham Hashim.

Mengulas mengenai program itu, katanya, selain makan buah-buahan secara percuma, *Education Fun Run* antara aktiviti menarik berjaya menghimpunkan 3,000 warga pendidik dan pengikut setia Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan.

"Kali ini MBSA dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Selangor menganjurkan acara larian bertemakan *Education Fun Run*, manakala tema Haru Tanpa Kenderaan pula Tahun Baharu Cina," katanya.



"MBSA harap orang awam mematuhi peraturan sedia ada
Mohd Rashidi